

EDISI 2021



GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT PLANMalaysia

Perutusan Ketua Pengarah



TPr Gs DR. SHAMSAINI BINTI SHAMSUDDIN
Ketua Pengarah PLANMalaysia

PLANMalaysia merupakan Jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sering berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan dan agensi lain dalam melaksanakan tugas harian. Oleh itu, adalah menjadi keperluan bagi seluruh warga kerja PLANMalaysia untuk berketerampilan kemas dan profesional ketika menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar pejabat bagi mewujudkan persepsi positif terhadap PLANMalaysia.

Imej pakaian yang ditampilkan oleh pegawai kerajaan itu akan menjadi tanggapan pertama (first impression) serta mencerminkan identiti pegawai kerajaan tersebut yang mempunyai kredibiliti dan bersikap professional. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada penjawat awam. Pakaian yang dipakai juga haruslah sederhana dan tidak keterlaluan (over-dressed) atau kurang sopan (under-dressed).

Berlandaskan kepada pekeliling perkhidmatan sedia ada yang berkuatkuasa, Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat PLANMalaysia ini diterbitkan sebagai rujukan serta dijadikan panduan kepada pegawai untuk berketerampilan kemas dan unggul daripada aspek imej korporat.

Akhir kata, saya menyeru supaya semua warga PLANMalaysia dapat mengambil manfaat dan sama-sama menjadikan Garis Panduan ini sebagai panduan bagi meningkatkan imej korporat PLANMalaysia sebagai sebuah Jabatan yang disegani dalam sektor awam.

Senarai Kandungan



Objektif



**Panduan
Pakaian
ke Pejabat**



**Perkara yang
Dilarang dalam
Etika Berpakaian
dan Penampilan
ke Pejabat**



Rujukan



Objektif

Garis Panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada warga kerja PLANMalaysia supaya wujud keseragaman (uniformity) dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat PLANMalaysia. Panduan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Jabatan Perkhidmatan Awam. Warga kerja PLANMalaysia hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan pegawai PLANMalaysia diambil tindakan dibawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



Panduan Pakaian ke Pejabat

Lounge Suit

1. Lounge Suit kategori 2 piece suit

Lounge Suit kategori 2 piece suit adalah gabungan sut yang terdiri daripada:

- Kot
- Seluar




-
- Pegawai digalakkan memakai tali leher Jabatan yang berwarna merah
 - Sut hendaklah dipadankan dengan kemeja lengan panjang berwarna putih dan tali leher.
 - Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
 - Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna *navy blue* / hitam / warna gelap.
-

2. Lounge Suit kategori 3 piece suit

Lounge Suit kategori 3 piece suit adalah gabungan sut yang terdiri daripada :

- Kot
- Skirt (paras bawah lutut atau labuh)
- Seluar



-
- Sut perlu dipakai dengan kemeja putih berlengan panjang yang dibutangkan.
 - Skirt / seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
 - Pilihan warna sut skirt / seluar yang digalakkan adalah warna *navy blue* / hitam / warna gelap.
-

Two / Three Piece Pant Suit bagi Wanita

Two / Three Piece Pant Suit adalah gabungan sut yang terdiri daripada :

- Top
- Seluar panjang

1. Two Piece Pant Suit

Adalah gabungan *top* dan seluar panjang

top

seluar panjang



2. Three Piece Pant Suit

Adalah gabungan kot, kemeja lengan panjang dan seluar panjang

kot

kemeja lengan panjang

seluar panjang



- *Suit* perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan.
- Seluar dan *top* / kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
- Pilihan warna suit seluar yang digalakkan adalah warna *navy blue* / hitam / warna gelap.

Kemeja Lelaki



- Kemeja berwarna putih / berjalur seeloknya dipadankan dengan tali leher jabatan / berwarna merah / tanpa corak.
- Kemeja berkolar dan berlengan panjang. Hendaklah dibutangkan atau memakai *cufflink*.
- Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck in*) dengan lengan tidak dilipatkan.
- Lebar kolar hendaklah bersesuaian.
- Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar haruslah dibutangkan.
- Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna pastel dan cerah.


Tali Leher



- Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga
- Jika mengenakan *pocket handkerchief*, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama



- Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian *buckle* tali pinggang



- Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju. Jika memakai *lounge suit*, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju

Terlalu Tinggi

Terlalu Rendah

Bersesuaian

Baju Batik



- Baju batik wajib dipakai di pejabat pada setiap hari Khamis.
- Batik yang dipakai hendaklah bercirikan batik Malaysia.
- Digalakkan memakai baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia.

PENGECUALIAN PEMAKAIAN BAJU BATIK

- Pegawai yang dibekalkan pakaian seragam.
- Pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi (persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat asing atau majlis rasmi yang menetapkan pemakaian lain).
- Pegawai wanita yang mengandung.

Pakaian Kebangsaan / Tradisional

Baju Kurung Moden



Baju Kebaya



- Baju kurung atau kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian).
- Fesyen baju kurung dan baju kebaya hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang.

Baju Melayu



-
- Baju melayu hendaklah dipakai lengkap bersampin dan bersongkok. Tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar.
-

Sut Punjabi



-
- Sut Punjabi, Cheongsam dan Sari yang bersesuaian dari segi warna dan sopan.
 - Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.
-

Pakaian Seragam

Pemandu



Pembantu Am Pejabat (Lelaki)



Pembantu Am Pejabat (Perempuan)



- Pakaian seragam dibekalkan kepada Pemandu dan Pembantu Am Pejabat.
- Pakaian seragam hendaklah dipakai dengan lengkap ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas.
- Kasut perlu bertutup dan berwarna hitam.

Baju Teknikal

Baju Teknikal (Lelaki)



Baju Teknikal (Perempuan)



-
- Baju teknikal kementerian dan PLANMalaysia digalakkan dipakai semasa menghadiri/ mengurus setiaikan program Jabatan di luar pejabat.
 - Pilihan warna seluar yang digalakkan adalah berwarna hitam dan gelap.
-

Baju Sukan

Wanita



Lelaki



-
- 'Track suit' atau seluar panjang yang sesuai, kemeja sukan, jersi, kasut getah, kasut sukan dan lain-lain pakaian yang sesuai dan tidak menghalang kecergasan gerak geri dalam gerak kerja tersebut.
-

Kasut



► Formal Lelaki

- Bersih dan berkilat
- Bertumit digalakkan (0.5" – 1.0")
- Bertutup
- Berwarna gelap
- Kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki sepadan dengan seluar atau kasut

► Formal Wanita

- Bertumit digalakkan (1.5" – 2.0")
- Bertutup
- Berwarna gelap
- Kulit / PVC atau setara
- Sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki)





Perkara yang Dilarang dalam Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat

Perkara yang Dilarang

► Lelaki

Kepala

- Menindik telinga
- Mewarnakan rambut
- Rambut mencacak, punk atau skinhead
- Janggut yang tidak kemas dan mencecah butang atas baju
- Misai melebihi bahagian atas bibir
- Berkepala botak tidak digalakkan KECUALI atas sebab genetik/ kesihatan atau faktor keagamaan
- Berikat rambut atau “bertocang”
- Memakai topi atau berkopiah putih

Badan

- Memakai sut yang berlainan warna dengan warna seluar
- Memakai tali leher berkarakter kartun atau karakter-karakter lain yang tidak sesuai
- Memakai *bow tie*
- Memakai lebih daripada dua (2) cincin pada satu tangan
- Berkuku panjang dan tidak bersih
- Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam / baju korporat yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program/ aktiviti yang ditetapkan
- Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucu dan yang seumpamanya
- Memakai kemeja T (T-shirt)
- Seluar yang ketat/ seluar jeans/ seluar warna cerah

Kaki

- Memakai selipar, kasut getah dan kasut sukan
- Kasut yang tiada bertumit (kecuali atas sebab kesihatan)

Keterampilan Umum

- Mencacah tatoo
- Mempunyai bau badan (khususnya bau rokok)

► Wanita

Kepala

- Rambut yang tidak disikat rapi (Jika dilepaskan, rambut hendaklah disikat rapi)
- Mewarnakan rambut secara berlebihan

Badan

- Berkuku panjang dan kotor
- Baju yang terdedah di bahagian pinggang (midriff)
- Pakaian yang ketat, jarang, berleher luas atau fesyen yang tidak sesuai untuk ke pejabat
- Baju tanpa lengan atau lengan yang terlalu pendek
- Seluar ketat / palazzo / *tights* / *leggings* / seluar jeans
- Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucu dan yang seumpamanya
- Memakai kemeja T (T-shirt)

Kaki

- Kasut yang tidak bertumit tidak digalakkan (kecuali atas sebab kesihatan dan pegawai wanita yang mengandung)
- Memakai selipar
- Memakai sandal

Keterampilan Umum

- Mencacah tatoo



Rujukan

Rujukan

Buku Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) :

1

Surat Pekeliling Perkhidmatan
Bilangan 8 Tahun 1975

Pindaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Mengenai Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Kerajaan;

2

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2
Tahun 1985

Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai Awam;

3

Peraturan-peraturan Pegawai Awam
(Kelakuan dan Tatatertib) 1993;

4

Surat Pekeliling Perkhidmatan
Bilangan 1 Tahun 2006

Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian
Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi;

5

Surat Pekeliling Perkhidmatan
Bilangan 1 Tahun 2006

Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai
Awam pada Hari Khamis

6

Surat Pekeliling Perkhidmatan
Bilangan 9 Tahun 2013

Pemakaian Two/Three – Piece Pant Suit Bagi
Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja

Semoga penerbitan Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat ini dapat dijadikan panduan yang lengkap kepada semua warga PLANMalaysia mengenai etika dan tatacara berpakaian ke pejabat. Amalan berpakaian yang kemas adalah penting untuk merealisasikan hasrat Jabatan untuk menjadikan warga PLANMalaysia sebagai penjawat awam yang berimej unggul dan profesional pada setiap masa.



KPKT

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

 www.planmalaysia.gov.my

 PLANMalaysia

 PLANMalaysia_

 plan_malaysia

 PLANMalaysia